

Headline	Semakan tarif TNB selaras subsidi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	32,33
ArticleSize	970 cm <sup>2</sup>	Journalist	ABDUL HALIM
PR Value	RM 98,142		



# Semakan tarif TNB selaras subsidi

Bukan semua pengguna menanggung kenaikan kos utiliti

Bagi yang cakna menyemak bil elektrik yang diterima setiap bulan, mereka akan dapati struktur tarif disusun mengikut kadar berbeza dalam lima jalur. Jalur pertama adalah dalam kiraan 200 kilowatt jam (kWj) pertama yang datang dengan tarif serendah 21.8 sen.

Jalur seterusnya adalah dalam gandaan 100 kWj pada kadar 33.4 sen, diikuti 100 kWj seterusnya pada 40 sen; 40.2 sen dan jalur kelima 41.6 sen. Memahami jalur kiraan tarif ini penting kerana ia membantu pengguna untuk merancang penggunaan sejajar pengumuman kenaikan tarif purata hampir 15 peratus baru-baru ini.

Bagaimanapun, apabila disemak pengumuman baru-baru ini, kenaikan sebenarnya bukan menyeluruh di setiap jalur, tetapi hanya mulai jalur ketiga iaitu bagi penggunaan 301 kWj ke atas. Berdasarkan perkiraan ini, bukan semua pengguna perlu menanggung kenaikan kos utiliti itu.

## Pelanggan domestik tak terjejas

Justeru, pelanggan domestik yang tidak terjejas dengan kenaikan tarif adalah 4.56 juta atau 70.67 peratus daripada keseluruhan 6.45 juta pelanggan domestik.

Dengan itu, pelanggan dengan bil bulanan RM77 ke bawah tidak akan mengalami sebarang kenaikan tarif, manakala kira-kira sejuta pengguna dengan bil bawah RM20 akan terus menikmati elektrik secara percuma kerana kerajaan akan meneruskan rebat hingga hujung tahun depan.

Kenaikan tarif yang diumumkan kerajaan minggu lalu sebenarnya bukan bertujuan mengelembungkan lagi untung Tenaga Nasional Bhd (TNB), syarikat utiliti negara, tetapi ia adalah pelarasan subsidi yang diberi kerajaan terhadap bahan bakar utama menjana tenaga, iaitu gas.

Kajian semula tarif elektrik penting kepada TNB untuk memenuhi peningkatan kos bekalan, pelaburan semula dalam peralatan bekalan yang lama

serta membuat penambahbaikan dalam menyediakan bekalan elektrik yang boleh dipercayai dan berkualiti.

Dengan itu, berkuat kuasa 1 Januari ini, tarif purata elektrik di Semenanjung akan dinaikkan sebanyak 4.99 sen/kWj, atau 14.89 peratus, daripada 33.54 sen/kWj kepada 38.53 sen/kWj.

Pelarasan itu adalah berdasarkan empat komponen, termasuk semakan semula tarif asas TNB sebanyak 2.69 peratus atau 0.90 sen/kWj, daripada purata tarif semasa.

Tarif 0.90 sen/kWj itu hanya menyumbang kira-kira 18 peratus daripada jumlah peningkatan tarif dan ia bagi memenuhi kos operasi TNB selain untuk pelaburan infrastruktur yang diperlukan untuk bekalan elektrik.

Tiga komponen lain menyumbang baki 82 peratus disebabkan kos bahan api yang meningkat membabitkan gas berpaip, gas asli cecair (LNG) dan arang batu. TNB akan membayar RM15.20 mmBTU (Juta Metrik unit Termal British) untuk gas berpaip berbanding RM13.70 mmBTU pada masa ini.

Pada Mac 2009, kerajaan memutuskan harga gas akan dikaji semula setiap enam bulan, namun pelaksanaannya ditangguhkan berikutan krisis kewangan global. Semakan harga gas sebelum ini ialah pada Jun 2011, daripada RM10.70/mmBTU kepada RM13.70/mmBTU yang, sekali gus menyalurkan tarif elektrik. Selain itu, bagi LNG, TNB akan membayar harga pasaran sebanyak RM41.68/mmBTU manakala harga arang batu yang dilindungi nilai pada AS\$87.50/tan metrik, lebih tinggi berbanding AS\$85/tan metrik sebelum ini.

## Tampung kos

Selain untuk menampung kos penjanaan, TNB juga perlu membuat perbelanjaan modal (Capex) dan prasarana bagi memastikan bekalan tenaga yang berkekalan serta tidak terganggu demi keselesaan pengguna. Untuk itu, TNB membelanjakan lebih RM6 bilion setahun untuk keperluan berkenaan.

Jumlah perbelanjaan modal itu adalah lebih tinggi berbanding keuntungan syarikat utiliti itu sebanyak RM4.6 bilion bagi tahun kewangan berakhir 31 Ogos 2013. Dari RM6 bilion, TNB

melabur kira-kira RM3.5 bilion hingga RM4 bilion setiap tahun untuk bekalan baru dan peningkatan sistem bagi rangkaian pengedaran dan pelbagai saluran penyambungannya. TNB juga melabur antara RM2 bilion dan RM2.5 bilion setiap tahun untuk meningkatkan rangkaian penghantaran dan pembangunan.

Seperti yang dikatakan seorang penganalisis sektor tenaga di sebuah firma pembrokeran, sebagai syarikat yang memiliki aset RM99 bilion, keuntungan itu boleh dianggap minimum berikutan TNB hanya membuat untung RM4.6 bilion, berbanding konglomerat lain, yang untung sekurang-kurangnya separuh daripada nilai aset.

Selain itu, sebagai sebuah entiti perniagaan, TNB yang mempunyai hutang kira-kira RM30 bilion untuk perbelanjaan modalnya, perlu meraih untung munasabah supaya ia terus boleh meminjam pada kos berdaya saing. Untuk berada dalam keadaan itu, ia bergantung kepada penarafan kredit daripada syarikat penarafan.

## Kerajaan komited ringan beban

Justeru, apabila kerajaan mengumumkan pelarasan subsidi untuk sektor penjanaan elektrik, Perkhidmatan Pelabur Moody's dalam kenyataannya menyebut, kenaikan tarif positif dari segi kredit TNB kerana ia menunjukkan komitmen kerajaan meringankan bebanan kos syarikat itu.

Mengikut Moody's, walaupun kenaikan tarif tidak menambah baik kedudukan kewangan TNB, ia akan memudahkan syarikat itu mengunjur dan menstabilkan prestasi kewangannya.

"Di samping itu, semakan tarif itu menandakan satu langkah ke depan yang penting dalam melaksanakan cadangan Peraturan Berasaskan Insentif

Headline	Semakan tarif TNB selaras subsidi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	32,33
ArticleSize	970 cm <sup>2</sup>	Journalist	ABDUL HALIM
PR Value	RM 98,142		

(IBR) Malaysia yang akan meningkatkan ketelusan regim kawal aturan,” katanya.

IBR akan memudahkan tarif ditetapkan semula dengan usaha mendapatkan kembali kos tidak dapat dikawal oleh TNB, seperti bahan bakar dan menyediakan insentif untuk menjadi lebih efisien, seperti untuk penyelenggaraan sambil memenuhi sasaran prestasi operasi.

Utiliti seperti elektrik adalah antara keperluan utama rakyat, malah bagi perusahaan dan komersial ia akan menjadi antara komponen penting kos.

Memang tidak patut ada istilah mengatakan ‘kenaikan tidak membebankan’, tetapi perubahan kos akan tetap

ada dan perlu dilaksanakan kerana kita hidup dalam dunia yang dinamik dan sentiasa berubah.

#### Galak rakyat berjimat

Sebagai pengguna, selain berjimat dan menggunakan tenaga dengan cermat dan cekap, merancang penggunaan dan menetapkan unjuran berdasarkan jalur penggunaan dan kadarnya akan banyak membantu.

Begitupun, pada peringkat serantau, kadar baru TNB masih berdaya saing. Pada 38.53 sen/kWj, ia lebih rendah berbanding Singapura (63.63 sen/kWj) dan Filipina (57.24 sen/kWj) namun tinggi berbanding Indonesia (24.40 sen/kWj) dan Thailand (36.88 sen/kWj).

“Kenaikan tarif bukan bertujuan menggelembungkan lagi untung TTNB, syarikat utiliti negara, tetapi sebenarnya ia adalah **pelarasan subsidi yang diberi kerajaan terhadap bahan bakar utama menjana tenaga, iaitu gas.** Kajian semula tarif elektrik penting kepada TNB untuk memenuhi peningkatan kos bekalan, pelaburan semula dalam peralatan bekalan yang lama serta membuat **penambahbaikan dalam menyediakan bekalan elektrik yang boleh dipercayai dan berkualiti**”

**FAKTA NOMBOR**

**4.56** juta

pengguna tidak terbabit pelarasan tarif



→

**ABDUL HALIM YUSOFF**

halem@bh.com.my

Headline	Semakan tarif TNB selaras subsidi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	32,33
ArticleSize	970 cm <sup>2</sup>	Journalist	ABDUL HALIM
PR Value	RM 98,142		

**INFO**

### Perbandingan Bil Bulanan bagi Pengguna Domestik

Bil Bulanan Sekarang (RM)	Bil Bulanan Baru (RM) (Kenaikan)	Jalur Penggunaan (kWj)	Bil Bulanan Sekarang dengan FiT 1% (RM)	Bil Bulanan Baru dengan FiT 1.6% (RM)	Bilangan Pengguna
3.00 - 43.60	3.00 - 43.60 Tiada Kenaikan	0 - 200	3.00 - 43.60 Tiada FiT	3.00 - 43.60 Tiada FiT	3.25m (50.37%)
43.93 - 77.00	43.93 - 77.00 Tiada Kenaikan	201 - 300	43.93 - 77.00 Tiada FiT	43.93 - 77.00 Tiada FiT	1.31m (20.30%)
77.40 - 117.00	77.52 - 128.60 (0.12 - 11.60)	301 - 400	78.17 - 118.17 Tiada FiT	78.76 - 130.66 (0.58 - 12.49)	720k (11.10%)
117.40 - 198.80	129.12 - 231.80 (11.71 - 33.00)	401 - 600	118.58 - 200.79	131.18 - 235.51 (12.61 - 34.72)	620k (10.44%)
199.23 - 285.10	232.35 - 341.00 (33.12 - 55.90)	601 - 800	201.22 - 287.95	236.06 - 346.46 (34.85 - 58.51)	220k (4.03%)
285.55 - 375.80	341.55 - 452.70 (55.99 - 76.90)	801 - 1000	288.41 - 379.56	347.01 - 459.94 (58.60 - 80.39)	110k (1.75%)
276.25 - 2,191.80	453.27 - 2,736.70 (77.02 - 544.90)	1001 - 5000	380.02 - 2,213.72	460.52 - 2,780.49 (80.51 - 566.77)	130k (1.98%)
2,192.25 & ke atas	2,737.27 & ke atas (545.02 & ke atas)	>5000	2,214.18 & ke atas	2,781.07 & ke atas (566.89 & ke atas)	2,025 (0.03%)

Headline	Semakan tarif TNB selaras subsidi		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	13 Dec 2013	Language	Malay
Circulation	138,805	Readership	1,048,000
Section	Nasional	Page No	32,33
ArticleSize	970 cm <sup>2</sup>	Journalist	ABDUL HALIM
PR Value	RM 98,142		

